

23 OCT 1998

Belanjawan-Promosi

LEBIH RM300 JUTA UNTUK PROMOSI PIKAT PELANCONG DAN PELABUR ASING

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Belanjawan negara tahun depan memperuntukkan RM313 juta untuk promosi galakan pelancongan dan pelaburan ke luar negara sebagai langkah utama memulihkan ekonomi negara.

Daripada jumlah itu sebanyak RM170 juta adalah untuk industri pelancongan dan RM143 juta bagi aktiviti promosi ke luar negara untuk menyakin dan menarik lebih ramai pelabur dan pedagang asing supaya melabur di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat hari ini berkata untuk "memikat" dan meyakinkan lebih ramai pelabur dan pedagang asing ke negara ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan melaksanakan tindakan yang lebih agresif dan bersepadu.

Mengenai industri pelancongan pula, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji semula strategi pelancongan dan peruntukan tambahan akan dipertimbangkan.

Kerajaan menjangkakan 7.2 juta pelancong akan melawat negara ini tahun depan berbanding 6.8 juta tahun ini dan hasil pendapatan pertukaran asing dijangka meningkat kepada RM14.4 bilion pada 1999 berbanding RM12.8 bilion tahun ini, katanya.

Bagi membangunkan sektor pelancongan dalam negeri, Dr Mahathir mencadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan syarikat pelancongan yang berpunca daripada pengendalian pakej pelancongan dalam negara yang melibatkan 1,200 orang pelancong tempatan.

Selain daripada itu, beliau juga mencadangkan satu hari Sabtu dalam setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam dan pada masa yang sama menyarankan sektor swasta juga berbuat demikian.

Bagi mengawal pengaliran wang keluar negara, beliau berkata pengecualian cukai berhubung dengan percutian ke luar negara dihadkan kepada RM3,000 dan bagi percutian di dalam negara pula, pengecualian cukai dikekalkan untuk perjalanan dalam negeri sebanyak tiga kali setahun. Ini akan meningkatkan pelancongan dalam negara, katanya.

Katanya negara ini mempunyai Kompleks Sukan Negara, Panggung Negara, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Philharmonik Petronas yang menyediakan kemudahan bertaraf antarabangsa dan ia hendaklah digunakan sepanjang tahun supaya dapat dimanfaatkan pada paras optimum.

Selaras dengan hasrat itu, kerajaan akan memberikan galakan cukai seperti berikut:

- * Pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi bukan pemastautin yang membuat pertunjukan kebudayaan dan kesenian, pameran dan mengambil bahagian dan permainan atau pertandingan sukan;

- * Penganjur aktiviti sukan kebudayaan, kesenian, pameran dan pesta yang melibatkan penyertaan negara-negara asing diberikan pengecualian cukai 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehinya;

- * Tiket masuk bagi menyaksikan persembahan kebudayaan dan kesenian, pameran, pesta dan pertandingan sukan diberi pengecualian duti hiburan, dan

- * Syarikat yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas atau sebagai Gudang Pengilang Berlesen diberi kemudahan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang dijual di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil melalui pesta jualan yang diluluskan.

Belanjawan tahun depan juga memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pelumba kereta Formula One dan perlumbaan

bermotor lain yang diiktiraf yang diadakan di Malaysia dan penganjur perlumbaan-perlumbaan itu pula diberi pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehi.

Dr Mahathir berkata sukan kenderaan bermotor terbukti dapat menarik pelancong dan negara ini akan menganjurkan perlumbaan Formula One tahun depan dan ia boleh dijadikan acara tahunan untuk menarik minat pelancong mengunjungi negara ini.

Untuk memikat lagi para pelancong asing kelas atasan seperti pemilik bot mewah dan kapal layar untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi mereka, adalah wajar jika terdapat satu pusat yang moden bagi membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar.

Selaras dengan itu, beliau mencadangkan supaya aktiviti sedemikian di pulau itu diberikan pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun.

-- BERNAMA

SJA AKD